



RESOLUSI

PERSIDANGAN MEJA BULAT BELIA (RTD)

TAJUK : “HAD UMUR BELIA: TRANSISI DAN PELAKSANAAN”

Seramai 118 orang peserta program RTD, Had Umur Belia : Transisi dan Pelaksanaan bertempat di Dewan Kampo, Pusat Belia Antarabangsa (IYC) anjuran **Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Malaysia** pada **26 September 2019** dengan ini bersetuju menerima/mencadangkan 11 perkara berikut untuk tindakan pihak kerajaan dan KBS, pertubuhan belia dan badan gabungan serta belia seperti berikut:

PERANAN KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS) SERTA KERAJAAN

1. KBS dan pihak kerajaan **DISARANKAN** menilai serta mengkaji semula keperluan penyaluran peruntukan pentadbiran dan pelaksanaan program kepada pertubuhan belia dan badan gabungan di peringkat kementerian, agensi dan pemegang taruh pembangunan belia bagi memperkasakan pertubuhan belia di Malaysia sehingga ke peringkat akar umbi.

2. KBS dan pihak kerajaan **DISYORKAN** melaksanakan inisiatif pemberian manfaat seperti pengecualian cukai kepada individu mahupun organisasi yang memberi sumbangan atau dana kepada pertubuhan belia dan badan gabungan melalui kerjasama dengan kementerian, sebagai contohnya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan agensi serta pemegang taruh berkaitan pembangunan belia.
3. Pihak kerajaan **DISYORKAN** untuk membangunkan dan menyerlahkan potensi kepimpinan dari peringkat pendidikan awal kanak-kanak seperti peribahasa Melayu yang telah menyatakan bahawa “melentur buluh biarlah dari rebungnya”.
4. Pihak kerajaan **DISYORKAN** untuk memberi ruang dan peluang penglibatan selain belia yang berumur 15 hingga 30 tahun dalam program dan inisiatif yang dilaksanakan terutamanya yang melibatkan program dan inisiatif berkaitan ekonomi dan keusahawanan khususnya yang berumur 31 hingga 40 tahun.

PERANAN PERTUBUHAN BELIA DAN BADAN GABUNGAN

1. Pertubuhan Belia dan Badan Gabungan **DISYORKAN** agar saling bekerjasama secara erat dan bersepadu dengan KBS serta 10 kumpulan pelaksana pembangunan belia dari pelbagai aspek seperti perencanaan dan pelaksanaan program pembangunan belia bagi menyerlahkan potensi belia di Malaysia.

2. Pertubuhan Belia dan Badan Gabungan **DICADANGKAN** agar mengatur strategi dengan melibatkan kerjasama dan integrasi pelbagai pemegang taruh pembangunan belia bagi meningkatkan penglibatan golongan belia dalam Pertubuhan Belia dan Badan Gabungan, sebagaimana mekanisme yang telah dipraktikkan oleh kumpulan belia berasaskan minat (*special interest group*).

3. Pertubuhan Belia dan Badan Gabungan **DISARANKAN** untuk merangka strategi dan inisiatif dalam melahirkan pelapis kepimpinan muda melalui kerjasama dengan pihak kerajaan, badan korporat dan pemegang taruh pembangunan belia di Malaysia.

PERANAN BELIA

1. Golongan Belia **DISARANKAN** mempersiapkan diri dari segi mental dan fizikal bagi mengadaptasi empat elemen utama terhadap Pindaan Akta Pertubuhan dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668) iaitu pindaan had umur, umur pemegang jawatan, tempoh masa memegang jawatan dan kebenaran memegang jawatan hingga tamat penggal.

2. Golongan Belia **DISYORKAN** untuk mengambil peluang untuk terlibat dan turut serta dalam Pelan Transisi Kepimpinan Pertubuhan Belia melalui Kursus Kepimpinan dan Pengurusan Organisasi yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) hingga ke peringkat daerah bagi mempersiapkan diri

dalam pengurusan organisasi, berkompetensi kepimpinan yang tinggi serta berkebolehan untuk mengambil alih kepimpinan pertubuhan belia.

3. Golongan Belia **DICADANGKAN** untuk mengketengahkan potensi kepimpinan dalam kalangan Belia Wanita bagi merealisasikan sasaran penyertaan 30% dalam kalangan kepimpinan wanita dalam pentadbiran negara.
4. Golongan Belia terutamanya dalam kalangan yang berkerjaya **DISARANKAN** melibatkan diri dalam kerja-kerja sukarela seperti khidmat masyarakat di peringkat komuniti masing-masing bagi menyerlahkan potensi diri.